


4

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

- Perspektif Keseluruhan
- Perkembangan Monetari
- Perkembangan Sektor Kewangan

Rencana 4.1 – Pembiayaan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana: Pasaran Kewangan dan Pasaran Modal

- Kesimpulan



4 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan

Dalam jangka masa terdekat, persekitaran monetari dan kewangan akan terus akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Persekitaran ini akan disokong oleh operasi monetari untuk memastikan pematuhan fungsi wang dan pasaran pertukaran asing serta kegiatan pengantaraan yang teratur. Sektor kewangan domestik dijangka kekal kukuh didorong oleh institusi kewangan yang beroperasi dengan modal dan mudah tunai mencukupi. Pasaran modal domestik juga akan kekal berdaya tahan dipacu oleh kepelbagaian instrumen serta tahap permodalan pasaran yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, perhatian perlu diberikan terhadap risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan disebabkan oleh ketidakpastian global terutamanya kadar normalisasi dasar monetari di Amerika Syarikat (AS) dan ekonomi utama lain, perkembangan geopolitik serta peningkatan ketegangan perdagangan global.

Perkembangan Monetari

Dasar Monetari


Pada 2018, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan persekitaran kondusif di samping mengekalkan kestabilan harga. Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah meningkat 25 mata asas kepada 3.25% pada Januari dan kekal bagi tempoh sembilan bulan seterusnya pada 2018. Sementara itu, Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kekal 3.50% daripada liabiliti layak sejak 2016 memandangkan pendirian dasar monetari semasa dapat menyokong aktiviti ekonomi. Penetapan ini sejajar dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan kadar inflasi terkawal.

Kadar faedah sistem perbankan meningkat sejajar dengan pelarasan OPR pada Januari 2018 bagi tujuan normalisasi dasar monetari berikutan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kadar asas (BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan meningkat kepada 3.9% pada akhir Julai 2018. Kadar pinjaman purata (ALR)

berwajaran pula ialah 5.44%. Sementara itu, kadar faedah deposit tabungan bagi bank perdagangan meningkat enam mata asas kepada 1.05% pada akhir Julai 2018. Kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan mencatat antara 3.08% dan 3.33%.

Agregat monetari terus berkembang bagi tempoh tujuh bulan pertama 2018. Pada akhir Julai 2018, M1 meningkat 4.7% kepada RM411.1 bilion berikutan peningkatan 4.8% deposit permintaan. Selain itu, M3 berkembang 6.6% kepada RM1,786.9 bilion berikutan tuntutan ke atas sektor swasta terutamanya pinjaman. Melangkah ke hadapan, bekalan wang dijangka terus berkembang disokong oleh penawaran kredit kepada sektor swasta dalam bentuk pinjaman dan sekuriti.

Rajah 4.1. Agregat Monetari (% perubahan)



¹ Akhir Julai 2018.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Walaupun mencatat prestasi kukuh pada suku pertama 2018, namun nilai ringgit secara keseluruhan menghadapi tekanan ketara berbanding dolar AS sejajar dengan semua mata wang negara serantau. Prestasi ringgit pada suku pertama terutamanya didorong oleh peningkatan aliran masuk portfolio bukan pemastautin berikutan kenaikan OPR yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walau bagaimanapun, jangkaan pelaksanaan normalisasi dasar monetari AS yang lebih cepat serta pengukuhan dolar AS mulai April 2018 menyebabkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin dari negara

**Jadual 4.1. Faktor Penentu M3
Januari – Julai**

	Perubahan (RM bilion)	
	2017	2018
M3	30.9	64.3
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	25.3	21.0
Tuntutan terhadap Kerajaan	44.0	36.7
Tolak: Deposit Kerajaan	18.7	15.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	46.4	68.3
Pinjaman	25.6	46.2
Sekuriti	20.9	22.1
Aset asing bersih ¹	-3.0	10.9
Bank Negara Malaysia	3.2	8.3
Sistem perbankan	-6.2	2.6
Pengaruh lain	-37.8	-35.9

¹ Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran.
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

serantau termasuk Malaysia. Peningkatan ketegangan perdagangan global dan kesan limpahan krisis di Turki dan Argentina ke pasaran yang berkembang pesat juga menyumbang kepada sentimen negatif dan penyusutan mata wang dalam tempoh tersebut. Pada akhir Ogos 2018, ringgit dan mata wang negara serantau lain menyusut nilai antara 0.6% dan 7.7% berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, prestasi ringgit lebih baik berbanding mata wang negara serantau lain kecuali baht Thailand. Nilai ringgit akan lebih mencerminkan asas ekonomi domestik apabila ketidakpastian luaran berkurangan pada masa hadapan.

**Rajah 4.2. Prestasi Ringgit berbanding
Mata Wang Terpilih
(% perubahan)**



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perkembangan Sektor Kewangan

Prestasi Sistem Perbankan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2018, aktiviti sistem perbankan kekal berdaya tahan dengan semua penunjuk pembiayaan berkembang. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat 5.7%, 5.1% dan 7.3% kepada RM505 bilion, RM223.1 bilion dan RM678.8 bilion. Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul meningkat 5.3% kepada RM1,631 bilion pada akhir Julai 2018. Sistem perbankan dijangka kekal kukuh, beroperasi dengan penampunan mudah tunai dan modal yang mampan.

**Jadual 4.2. Sistem Perbankan: Penunjuk
Pinjaman
Januari – Julai**

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2017	2018	2017	2018
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	477.6	505.0	4.0	5.7
Kelulusan pinjaman	212.2	223.1	11.2	5.1
Pengeluaran pinjaman	632.5	678.8	5.6	7.3
Pinjaman terkumpul ²	1,549.4	1,631.0	5.6	5.3
<i>antaranya:</i>				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	206.6	221.8	-4.7	7.4
Kelulusan pinjaman	97.3	100.5	8.0	3.3
Pengeluaran pinjaman	463.2	487.0	6.0	5.2
Pinjaman terkumpul ²	567.4	588.5	6.7	3.7
<i>antaranya:</i>				
PKS				
Permohonan pinjaman	97.5	107.7	-3.5	10.5
Kelulusan pinjaman	34.3	37.5	-3.3	9.1
Pengeluaran pinjaman	160.7	170.9	10.8	6.4
Pinjaman terkumpul ²	292.0	303.2	8.1	3.8
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	271.0	283.1	11.8	4.5
Kelulusan pinjaman	114.9	122.6	14.1	6.7
Pengeluaran pinjaman	169.3	191.7	4.4	13.2
Pinjaman terkumpul ²	883.8	936.7	5.1	6.0

¹ Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain.

² Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pinjaman kepada perniagaan merekodkan pertumbuhan stabil dalam tempoh yang sama. Permohonan pinjaman kembali meningkat 7.4% kepada RM221.8 bilion manakala jumlah kelulusan pinjaman berkembang 3.3% kepada RM100.5 bilion. Sementara itu, pengeluaran pinjaman meningkat 5.2% kepada RM487 bilion disumbangkan oleh sektor perniagaan sekitar 72%. Kebanyakan pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan (27.4%) serta perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (26.1%). Jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat 3.7% kepada RM588.5 bilion pada akhir Julai 2018.

Pinjaman kepada isi rumah terus mencatat pertumbuhan kukuh dengan pengeluaran pinjaman meningkat ketara sebanyak 13.2% kepada RM191.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2018. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah terutamanya untuk kredit penggunaan berjumlah RM90.4 bilion (47.2%) diikuti pembelian harta tanah kediaman sebanyak RM49.9 bilion (26%) dan kereta penumpang sebanyak RM22.8 bilion (11.9%). Pada akhir Julai 2018, jumlah pinjaman terkumpul isi rumah meningkat 6% kepada RM936.7 bilion mencakupi 57.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan.

Keseluruhan hutang isi rumah¹ berjumlah RM1,165.7 bilion iaitu 83.8% daripada KDNK pada akhir Jun 2018. Tahap hutang telah menyederhana sejak 2015 berikutan langkah kehematan makro yang dilaksanakan untuk mengawal tahap hutang isi rumah. Sebahagian besar hutang terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman (53%) diikuti kegunaan persendirian (14.4%) dan kereta penumpang (13.8%). Sementara itu, jumlah aset kewangan isi rumah kekal kukuh berjumlah RM2,458.4 bilion. Keupayaan isi rumah membayar hutang kekal teguh disokong oleh pendapatan yang mampan dan pertumbuhan tenaga kerja yang stabil. Tahap hutang isi rumah dijangka kekal terkawal pada 2018 dan 2019 selaras dengan guna tenaga dan pendapatan yang stabil. Keadaan ini turut disokong langkah berterusan Kerajaan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran isi rumah tentang perancangan dan pengurusan kewangan.

Sistem perbankan kekal berupaya menyerap kerugian berikutan kedudukan modal yang kukuh. Pada akhir Julai 2018, nisbah modal

Jadual 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor (Akhir Julai)

	RM bilion		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018
Perniagaan	567.4	588.5	36.6	36.1
Bukan PKS ¹	275.3	285.3	17.8	17.5
PKS	292.0	303.2	18.8	18.6
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	37.6	35.4	2.4	2.2
Perlombongan dan kuari	11.0	10.9	0.7	0.7
Pembuatan ²	102.9	107.6	6.6	6.6
Bekalan elektrik, gas dan air	9.5	13.3	0.6	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	113.8	119.3	7.3	7.3
Pembinaan	70.8	80.5	4.6	4.9
Harta tanah	111.2	117.3	7.2	7.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	40.7	37.9	2.6	2.3
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	107.7	110.0	6.9	6.7
Isi rumah	883.8	936.7	57.0	57.4
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	473.2	513.9	30.5	31.5
Pembelian harta tanah bukan kediaman	79.5	79.8	5.1	4.9
Pembelian kereta penumpang	146.5	146.0	9.5	9.0
Kredit penggunaan	102.4	108.4	6.6	6.6
<i>antaranya:</i>				
Kad kredit	35.3	36.3	2.3	2.2
Kegunaan persendirian	66.9	72.0	4.3	4.4
Pembelian sekuriti	59.6	64.9	3.8	4.0
Lain-lain	22.5	23.7	1.5	1.5
Sektor lain	98.3	105.8	6.3	6.5
Jumlah³	1,549.4	1,631.0	100.0	100.0

¹ Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain.

² Termasuk asas tani.

³ Jumlah = Perniagaan + Isi Rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

ekuiti biasa kumpulan 1 ialah 13.3%, nisbah modal kumpulan 1 (14.2%) dan nisbah jumlah modal (17.7%) iaitu jauh melepasi tahap pengawalseliaan minimum Basel III.

¹ Merangkumi pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (DFI) dan institusi kewangan bukan bank.

Rencana 4.1


Pembiayaan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana: Pasaran Kewangan dan Pasaran Modal

Pengenalan

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 98.5% daripada jumlah keseluruhan perniagaan dan memainkan peranan penting kepada ekonomi. Sumbangan PKS merangkumi 37.1% kepada KDNK, 66% kepada jumlah guna tenaga dan 17.3% kepada jumlah eksport pada 2017. Majoriti PKS berada dalam sektor perkhidmatan (89.2%) diikuti oleh pembuatan (5.3%), pembinaan (4.3%), pertanian (1.1%) serta perlombongan dan kuari (0.1%) (DOSM, 2016). Mengambil kira peranan penting PKS kepada ekonomi, pilihan pembiayaan yang luas perlu disediakan untuk menyokong pertumbuhan PKS terutamanya bagi tujuan modal kerja, memperbaiki atau meningkatkan proses pengeluaran, meningkatkan aktiviti R&D serta pembiayaan semula dan konsolidasi hutang.

Keupayaan memperoleh dana untuk membiayai perniagaan merupakan cabaran utama dihadapi oleh PKS. Kesukaran ini disebabkan oleh kekurangan cagaran dan rekod prestasi kewangan; maklumat dan dokumentasi pinjaman tidak lengkap; pelan perniagaan tidak berdaya maju; dan profil pulangan berisiko tinggi. Berikutan kekangan ini, 32.1% PKS memperoleh sumber pembiayaan daripada bank, institusi kewangan pembangunan (DFI) dan institusi kredit mikro manakala majoriti PKS mendapat sumber pembiayaan menerusi simpanan peribadi, pemegang saham, rakan atau saudara-mara.


Rajah 4.1.1. Akses Pembiayaan PKS



Nota:
 Data tidak termasuk sub-sektor perdagangan borong dan runcit. Pertubuhan boleh memilih lebih daripada satu jawapan dan peratusan akan melebihi 100%.
¹Lain-lain termasuk pembiayaan melalui pajakan/pemfaktoran/modal teroka/syarikat kredit/peminjam wang berlesen/kedai pajak gadai dan broker pajak gadai termasuk Ar-Rahnu.
 Sumber: Banci Ekonomi 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada akhir Julai 2018, sebanyak 94.9% pembiayaan perniagaan diperoleh melalui institusi kewangan dan selebihnya daripada pasaran modal. Sekitar 36.1% entiti perniagaan mendapat manfaat daripada sumber pembiayaan sektor perbankan dengan 18.6% merupakan PKS dari pelbagai sektor manakala 17.5% bukan PKS. Sektor tersebut termasuk perdagangan borong dan runcit; restoran dan hotel; hartanah; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; pembuatan serta pembinaan.

Rajah 4.1.2. Pembiayaan melalui Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Program Pembiayaan

Terdapat pelbagai program pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan pasaran modal untuk PKS seperti berikut:

Pembiayaan melalui Institusi Kewangan

Jadual 4.1.1. Senarai Program Pembiayaan melalui Institusi Kewangan

No.	Program	Objektif	Ciri-ciri	Institusi kewangan
1.	Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2)	Memastikan PKS yang layak menerima pembiayaan dengan kos berpatutan	<ul style="list-style-type: none"> • RM50,000 – RM5 juta bagi setiap kumpulan pelanggan • Tempoh pembiayaan: 5 tahun • Kadar: 4% – 6% setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua bank perdagangan dan bank Islam • SME Bank • Agro Bank • Malaysia Industrial Development Finance Bhd (MIDF) • Sabah Development Bank
2.	Tabung Usahawan Baharu 2 (TUB 2)	Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan PKS Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> • RM5 juta (maksimum) bagi setiap kumpulan pelanggan • Tempoh pembiayaan: 5 tahun • Kadar: 4% – 6% setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua bank perdagangan dan bank Islam • SME Bank • MIDF

No.	Program	Objektif	Ciri-ciri	Institusi kewangan
3.	Dana Perusahaan Mikro (MEF)	Meningkatkan akses pembiayaan mikro kepada perusahaan berdaya maju	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 – RM50,000 bagi setiap perusahaan mikro • Tempoh pembiayaan: 5 tahun • Kadar: 6% setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Alliance Bank Malaysia • AmBank • Bank Muamalat • Bank Kerjasama Rakyat • Bank Simpanan Nasional • CIMB Bank • Public Bank • Maybank • United Overseas Bank
4.	Skim Pembiayaan Pembangunan Luar Bandar-i (SPED)	Menyediakan pembiayaan untuk pembelian mesin dan peralatan, modal kerja dan pengubahsuaian atau menaik taraf premis bagi usahawan luar bandar dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta industri pertanian komersial dan pelancongan desa	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000 – RM250,000 (beroperasi <3 tahun) • RM250,000 – RM500,000 (beroperasi lebih >3 tahun) • Pembiayaan dibenarkan sehingga 3 kali sahaja • Tempoh pembiayaan: 3 – 5 tahun untuk pinjaman di bawah RM250,000 • Tempoh pembiayaan: 5 – 7 tahun untuk pinjaman melebihi RM250,000 • 6 bulan tempoh penangguhan pembayaran • Caj perkhidmatan tahunan 5% 	<ul style="list-style-type: none"> • Bank Kerjasama Rakyat • SME Bank
5.	BizMula-i	Menyediakan pembiayaan bagi syarikat baru mula	<ul style="list-style-type: none"> • RM50,000 – RM300,000 • Tempoh pembiayaan: 7 tahun • Kadar: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) oleh Maybank Islamic +0.30% – 1.65% 	<ul style="list-style-type: none"> • Credit Guarantee Corporation (CGC)
6.	BizWanita-i	Menyediakan pembiayaan kepada usahawan wanita	<ul style="list-style-type: none"> • RM50,000 – RM300,000 • Tempoh pembiayaan: 7 tahun • Kadar: BFR oleh Maybank Islamic +0.30% – 1.65% 	<ul style="list-style-type: none"> • CGC

No.	Program	Objektif	Ciri-ciri	Institusi kewangan
7.	Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)	Menyediakan modal kerja kepada PKS Bumiputera yang telah ditawarkan kontrak atau projek	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga RM3 juta bagi permohonan kali pertama • Sehingga RM5 juta bagi permohonan berikutnya • Pembiayaan sehingga RM750,000 bagi perkhidmatan catering makanan • Pembiayaan sehingga RM500,000 bagi perkongsian dan milikan tunggal • Kadar: Pembiayaan kali pertama - 5% setahun • Pembiayaan seterusnya - BFR oleh Maybank Islamic + 1% setahun • Tempoh pembiayaan maksimum: 5 tahun berdasarkan kontrak atau mana yang lebih awal 	<ul style="list-style-type: none"> • CGC

Sumber: A Guidebook for SME Initiatives 2017, SME Corp.

Pembiayaan melalui Pasaran Modal

1) Pasaran Tersenarai

1.1 Platform Pemecut Usahawan Utama

Pasaran Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) merupakan platform penjanaan pembiayaan alternatif bagi menangani jurang pembiayaan yang dihadapi PKS. Inisiatif ini bertujuan mengumpulkan PKS yang berpotensi di bawah satu platform bagi mewujudkan pasaran yang kondusif. Malaysia menjadi peneraju pasaran LEAP di ASEAN dari segi inovasi pasaran modal ke arah meningkatkan daya saing pasaran modal domestik. Sejak diperkenalkan pada 25 Julai 2017, bilangan syarikat yang berjaya disenaraikan telah meningkat daripada dua kepada enam syarikat pada akhir Ogos 2018.

2) Pasaran Tidak Tersenarai

2.1 Pendanaan Ekuiti Ramai

Pendanaan Ekuiti Ramai (ECF) merupakan kempen penjanaan dana melalui pelaburan orang ramai dalam syarikat PKS untuk mendapatkan saham. Pelabur menjadi sebahagian daripada pemilik syarikat dan berpeluang mendapatkan keuntungan daripada jualan saham. Platform ECF telah mengumpulkan dana berjumlah RM22.3 juta daripada 23 penerbit pada 2017 berbanding RM10.4 juta daripada 14 penerbit pada 2016 (SC, 2017). Sebahagian besar penerima ECF pada 2017 yang merupakan 56% daripada jumlah terbitan adalah syarikat berasaskan teknologi. Pertumbuhan tinggi bagi dana pasaran ECF menunjukkan peningkatan permintaan kukuh terhadap pasaran ECF sebagai sumber pembiayaan alternatif bagi PKS.

2.2 Pembiayaan antara Rakan Setara

Pembiayaan antara Rakan Setara (P2P) merupakan pembiayaan baharu berasaskan pasaran yang mengguna pakai teknologi terutamanya bagi perniagaan dan pelabur runcit. Rangka kerja pembiayaan P2P diterbitkan buat kali pertama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 2016 dan Malaysia merupakan negara ASEAN pertama mengawal selia pembiayaan P2P. Pada masa ini, terdapat enam platform pembiayaan P2P berlesen yang beroperasi di Malaysia. Sehingga 2017, pembiayaan P2P telah menjana RM37.2 juta melalui 628 kempen yang melibatkan 120 penerbit. Majoriti penerbit iaitu 62% berada dalam sektor borong, runcit dan produk pengguna manakala selebihnya daripada industri makanan dan minuman, hartanah dan hospitaliti.

2.3 Modal Teroka dan Ekuiti Swasta

Inisiatif untuk memperluas pembiayaan sektor swasta menerusi sektor Modal Teroka (VC) dan Ekuiti Swasta (PE) telah dibangunkan oleh SC. Kebanyakan VC melabur dalam syarikat baru mula yang berpotensi untuk berkembang manakala PE membeli syarikat yang sudah lama ditubuhkan. Pada akhir 2017, terdapat sebanyak 101 syarikat VC dan sembilan syarikat PE berdaftar. Jumlah dana komited dalam sektor VC dan PE bernilai RM7 bilion pada 2017 berbanding RM6.5 bilion pada 2016. Sebahagian besar dana dilaburkan dalam sektor sains hayat yang menyumbang 52.7% daripada jumlah dana manakala selebihnya dalam sektor pembuatan serta ICT.

Kesimpulan


Kerajaan komited untuk menggiatkan usaha bagi memudah cara pembiayaan kepada PKS yang merupakan penjana utama ekonomi. Pada masa kini, sebahagian besar pembiayaan PKS diperoleh daripada institusi kewangan. Inisiatif pembiayaan akan ditumpukan kepada pasaran LEAP dan saluran pembiayaan alternatif lain seperti ECF, P2P, PE dan VC untuk memperluas prospek pelaburan dalam pasaran modal. Pembiayaan alternatif juga menyediakan peluang untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan dan memperdalam pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut turut dilengkapi dengan program bina upaya bagi memperkasakan PKS. Justeru, peluang yang ditawarkan wajar dimanfaatkan sepenuhnya oleh PKS bagi mendapatkan akses yang lebih luas kepada pembiayaan pada masa hadapan demi meningkatkan sumbangan kepada ekonomi.

Selain itu, jumlah penampungan modal kekal tinggi iaitu RM149.5 bilion melebihi keperluan pengawalseliaan minimum yang ditetapkan.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2018, sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai lebih tinggi sebanyak RM22.3 bilion meskipun dalam persekitaran operasi yang mencabar. Prestasi ini disokong oleh aktiviti berkaitan faedah/kewangan yang menyumbang lebih kurang 70% kepada pendapatan kasar. Sementara itu, pulangan ke atas aset dan ekuiti kekal stabil iaitu 1.5% dan 13.1%.

Kualiti pinjaman sistem perbankan terus kukuh sepanjang tempoh yang sama dengan nisbah pinjaman terjejas bersih² stabil iaitu 0.98% pada akhir Julai 2018. Sementara itu, nisbah

Rajah 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)



¹Akhir Julai 2018.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

perlindungan kerugian pinjaman dalam sistem perbankan merekodkan 128%. Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi dengan

² Mulai Januari 2018, pinjaman terjejas dilapor berdasarkan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) 9 yang merujuk kepada tahun kewangan bank. Klasifikasi pinjaman/pembiayaan terjejas dan peruntukan untuk pinjaman/pembiayaan terjejas sejajar dengan MFRS 9.

lebih ringgit di Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM177.8 bilion walaupun terdapat aliran keluar portfolio yang besar beberapa bulan kebelakangan ini. Pada akhir Julai 2018, Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) sistem perbankan mencatat 141.5%. Sungguhpun pasaran kewangan mudah terjejas oleh perkembangan luar termasuk ketegangan geopolitik dan perdagangan, prospek sistem kewangan domestik kekal stabil dan terkawal. Prospek tersebut disokong oleh pasaran kewangan yang mendalam dan mudah tunai yang tinggi, institusi kewangan yang kukuh serta keyakinan berterusan terhadap sistem perbankan.

Prestasi Pasaran Modal

Pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal merosot 2.4% kepada RM131.4 bilion bagi tempoh tujuh bulan pertama 2018. Keadaan ini disebabkan oleh aktiviti pemerolehan dana sektor swasta yang lebih rendah dengan dana kasar menguncup 9.7% kepada RM60.7 bilion. Pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti domestik merekodkan penurunan dua digit iaitu 91.1% kepada RM0.9 bilion dalam tempoh yang sama. Kemerosotan tersebut disebabkan oleh penurunan 92.2% tawaran awam awal (IPO) berikutan sentimen berwaspada pasaran. Sementara itu, pemerolehan dana melalui terbitan baharu bon korporat meningkat 4.7% kepada RM59.8 bilion. Sebahagian besar dana terbitan baharu merupakan nota jangka pertengahan yang menyumbang 94.7% daripada jumlah bon korporat. Sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan kekal memperoleh sebahagian besar dana iaitu 68.7% daripada jumlah keseluruhan terbitan baharu bon korporat. Sebahagian besar dana digunakan bagi membiayai projek infrastruktur dan modal kerja. Pemerolehan dana di pasaran modal dijangka bertambah baik pada 2019 berikutan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi.

Sementara itu, pemerolehan dana kasar oleh sektor awam berkembang 4.8% kepada RM70.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2018. Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) meningkat kepada RM35.4 bilion dan RM35.2

Jadual 4.4. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal Januari – Julai

	RM juta	
	2017	2018
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	35,304.0	35,423.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	32,124.7	35,246.2
Terbitan baharu sekuriti hutang	67,428.7	70,669.8
Tolak: Penebusan	24,969.0	25,970.7
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	42,459.7	44,699.1
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran Awam Awal	7,373.3	571.8
Terbitan Hak	2,744.2	324.7
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/waran	10,117.5	896.5
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	1,753.0	2,470.0
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	1,472.7	724.6
Nota jangka pertengahan	53,871.8	56,594.1
Terbitan baharu sekuriti hutang	57,097.5	59,788.7
Tolak: Penebusan	18,874.1	24,835.6
Terbitan bersih sekuriti hutang	38,223.4	34,953.1
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	48,340.8	35,849.5
Jumlah pemerolehan dana bersih	90,800.5	80,548.6

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

bilion. Bon Kerajaan terus mendapat sokongan daripada institusi tempatan dan pelabur asing. Pada akhir Julai 2018, pegangan pemastautin dan bukan pemastautin bagi MGS mencatat 59.5% dan 40.5% daripada jumlah MGS terkumpul. Bagi tempoh yang sama, pegangan pemastautin dan bukan pemastautin bagi MGII merekodkan 95.3% dan 4.7% daripada jumlah MGII terkumpul.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2018, kadar hasil MGS merangkumi semua tempoh matang iaitu 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun meningkat antara 12 dan 18 mata asas. Peningkatan kadar hasil tersebut disebabkan

Jadual 4.5. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor Januari – Julai


	RM juta		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018
Pertanian, perhutanan dan perikanan	100.0	83.6	0.2	0.1
Pembuatan	1,080.0	1,490.0	1.9	2.5
Pembinaan	2,013.2	3,977.9	3.5	6.7
Elektrik, gas dan air	10,277.7	8,057.1	18.0	13.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,341.9	1,415.0	2.4	2.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	35,447.4	41,080.3	62.1	68.7
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	6,747.9	3,277.8	11.8	5.5
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	89.4	407.0	0.2	0.7
Jumlah	57,097.5	59,788.7	100.0	100.0

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.
 Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

pelabur mengimbangi pelaburan portfolio global dengan mengalihkan pelaburan kepada pembelian aset selamat berikutan ketidakpastian luar. Selain itu, kadar hasil bon korporat bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA dan AA meningkat 12 dan 11 mata asas.

Pasaran ekuiti kekal berdaya tahan dan terus mencatat peningkatan walaupun berhadapan dengan konflik perdagangan dan kewangan

Rajah 4.4. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (Akhir tempoh)




¹Akhir Julai 2018.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

global yang lebih ketat bagi tempoh lapan bulan pertama 2018. Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) mula meningkat pada minggu pertama Januari 2018 dan terus menunjukkan trend positif. Peningkatan tersebut disokong oleh kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas seterusnya menarik minat pembelian saham berkaitan kewangan yang menyebabkan indeks melonjak kepada 1,870.52 mata pada 29 Januari 2018.


Walaupun Rizab Persekutuan AS (Fed) menaikkan kadar faedah buat kali pertama pada tahun ini, namun FBM KLCI terus meningkat dan ditutup pada paras 1,876.87 mata pada 22 Mac 2018 iaitu paras tertinggi sejak Ogos 2014. Pada 19 April 2018 bursa tempatan meningkat ke paras tertinggi baharu iaitu 1,895.18 mata terutamanya didorong oleh sentimen positif berikutan pemulihan harga minyak mentah

Rajah 4.5. Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul (Akhir tempoh)



¹Akhir Julai 2018.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

Rajah 4.6. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)



¹Akhir Julai 2018.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

Jadual 4.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Ogos


	2017	2018
Indeks¹		
FBM KLCI	1,773.16	1,819.66
FBM EMAS	12,610.07	12,719.42
FBM 100	12,281.66	12,526.43
FBM SCAP	16,747.36	14,453.18
FBM-ACE	6,612.74	5,283.71
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	427,643.61	468,760.02
Nilai (RM juta)	406,319.57	454,233.15
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	2,623.58	2,875.83
Nilai (RM juta)	2,492.76	2,786.71
Permodalan pasaran¹ (RM bilion)		
	1,847.33	1,865.84
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	787	781
Pasaran ACE	115	121
Pasaran LEAP	-	8
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	22.0	24.3
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	33.6	34.5

¹ Pada akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung.
Sumber: Bursa Malaysia.

global. Walau bagaimanapun, FBM KLCI merosot pada minggu terakhir Mei dan terus berada di paras rendah seiring dengan bursa utama dan serantau sepanjang Jun dan Julai 2018. Penurunan trend pasaran ini disebabkan oleh

Rajah 4.7. Prestasi Bursa Malaysia




¹ Akhir tempoh.

² Akhir Ogos 2018.

Sumber: Bursa Malaysia.

Rajah 4.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg.

beberapa faktor termasuk perang perdagangan antara AS dan China serta kenaikan kadar faedah oleh ekonomi utama.

Indeks FBM KLCI mencatat 1,819.66 mata pada akhir Ogos 2018 didorong oleh asas makroekonomi yang kukuh, pertumbuhan sektor korporat secara berterusan dan aliran masuk dana asing ke pasaran ekuiti. Keyakinan pelabur juga disokong oleh perkembangan luar yang positif termasuk kenyataan oleh Fed untuk mengekalkan kadar faedah. Prestasi FBM KLCI yang lebih tinggi juga disumbangkan oleh pengekal penarafan mungkir penerbit mata wang asing jangka panjang Malaysia pada A- dengan tinjauan stabil oleh Fitch Ratings.

Dari segi aktiviti dagangan, jumlah dagangan bagi lapan bulan pertama 2018 meningkat 9.6% kepada 468.8 bilion unit. Jumlah nilai urus niaga pasaran turut meningkat 11.8% kepada RM454.2 bilion. Purata jumlah dagangan harian dan purata nilai dagangan harian meningkat kepada 2.9 bilion unit dan RM2.8 bilion. Pada akhir Ogos 2018, permodalan pasaran meningkat 1% kepada RM1,865.8 bilion. Halaju pasaran kekal menggalakkan dan mencatat 34.3% manakala volatiliti pasaran merekodkan 8.3%. Sementara itu, pegangan saham asing daripada keseluruhan permodalan pasaran dalam bursa tempatan meningkat kepada 23.6% pada akhir Ogos 2018. Pada 2019, pasaran ekuiti domestik dijangka terus mencatat kenaikan walaupun berhadapan cabaran luar disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidakpastian daripada keputusan pilihan raya di kawasan euro serta ketegangan perdagangan dan geopolitik yang semakin meningkat.

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah diambil dalam tempoh lapan bulan pertama 2018 untuk meningkatkan lagi tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal seperti berikut:

Langkah Meningkatkan Pasaran Modal Tempatan

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia telah mengumumkan langkah berikut pada 6 Februari 2018 di Simposium Pasaran Modal Dunia 2018, Kuala Lumpur:

- Pengecualian duti setem kepada saham syarikat bermodal kecil dan sederhana untuk tiga tahun mulai 1 Mac 2018 hingga 28 Februari 2021;
- Pengecualian fi perdagangan dan penjelasan selama enam bulan bagi pelabur individu baharu; dan
- Jualan Singkat Intrahari (IDSS) dibenarkan untuk semua pelabur.

14-Feb



BRIDGe

Penubuhan Kumpulan Pendigitalan Industri Pembrokeran Saham (BRIDGe) oleh SC dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mempercepat pendigitalan industri pembrokeran saham melalui peningkatan piawaian perkhidmatan dan kecekapan operasi.

15-Mac



Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi CIS Tersenarai dan LR Utama

Menambah baik rangka kerja pengawalseliaan sedia ada untuk Skim Pelaburan Kolektif (CIS) dan amanah perniagaan tersenarai di bawah Keperluan Penyenaian Pasaran Utama (LR Utama) bagi menggalakkan pertumbuhan dan kecekapan perniagaan. CIS termasuk Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), Dana Dagangan Bursa (ETF) dan Dana Tertutup (CEF). Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (CMSA) 2007 telah dipinda agar Bursa Malaysia dapat meluluskan terbitan baharu sekuriti oleh CIS dan amanah perniagaan tersenarai. Usaha ini akan meningkatkan tempoh masa ke dalam pasaran dan mengurangkan kos pengawalseliaan untuk meningkatkan kecekapan pasaran modal domestik.

9-April



Rangka Kerja IDSS

Memperkenalkan rangka kerja IDSS supaya pelabur dapat menjual sekuriti terlebih dahulu dan membeli kembali sekuriti berkenaan dalam urus niaga pada hari yang sama. Rangka kerja ini tertakluk kepada senarai Sekuriti Diluluskan yang terdiri daripada 280 sekuriti. Senarai ini akan disemak setiap enam bulan.

16-April



Kontrak Niaga Hadapan Palm Olein (FPOL) Refined, Bleached dan Deodorised (RBD) dalam denominasi Dolar AS

Menambah baik Kontrak Niaga Hadapan Palm Olein (FPOL) Refined, Bleached dan Deodorised (RBD) dalam denominasi dolar AS untuk menyediakan lebih banyak peluang perdagangan dan fleksibiliti kepada pelabur dalam dan luar negara yang ingin meneroka derivatif komoditi. Bagi menggalakkan lagi FPOL, pelbagai insentif ditawarkan kepada peserta pasaran termasuk pengecualian sepenuhnya dalam fi pertukaran dan penjelasan bagi enam bulan pertama.

24-April



24-Mei



BURSASUSTAIN

Mewujudkan BURSASUSTAIN iaitu portal dalam talian komprehensif yang direka sebagai hab pengetahuan dan maklumat sehati dalam kemampanan dan tadbir urus korporat. Hab ini bertujuan menyediakan platform bagi pengguna seperti penerbit tersenarai, pelabur dan pihak berkepentingan utama untuk mendapatkan akses ke atas maklumat terkini.

20-Ogos



MoF China dan SC Menandatangani MoU mengenai Kerjasama Pengawalseliaan

Kementerian Kewangan (MoF) China dan SC menandatangani MoU bagi kerjasama pengawalan dan memudahkan akses rentas sempadan. Pemeteraian MoU ini membolehkan kedua-dua negara mendapat faedah dalam bidang kepentingan bersama berkaitan perakaunan dan pengauditan.

Kontrak Niaga Hadapan Mini Pertama di Pasaran Derivatif

Pelancaran Kontrak Niaga Hadapan Indeks mini FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FM70). FM70 merupakan kontrak niaga hadapan dalam denominasi ringgit yang menjejaki Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FBM Mid 70) sebagai instrumen asas yang mendedahkan pelabur kepada kesemua 70 syarikat FBM Mid 70 melalui kontrak niaga hadapan tunggal.

27-Ogos



Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Industri perbankan Islam terus mencatat pertumbuhan kukuh pada 2018. Jumlah aset berkembang 11.5% kepada RM687 bilion pada akhir Julai 2018. Perkembangan ini terutamanya dipacu oleh pembiayaan kepada sektor isi rumah. Pertumbuhan ini juga disumbangkan melalui kejayaan penggabungan sebuah bank Islam dan sebuah institusi bukan bank pada awal 2018. Jumlah deposit dalam sistem perbankan Islam berkembang kukuh 12.6% kepada RM507.1 bilion pada akhir Julai 2018.

Prospek perbankan Islam dijangka kekal menggalakkan berikutan permintaan kukuh daripada sektor isi rumah dan perniagaan bagi produk dan perkhidmatan kewangan berasaskan Syariah. Perkara ini turut disokong oleh komitmen yang semakin meningkat daripada beberapa bank utama dalam mempromosikan perbankan Islam sebagai pilihan utama pembiayaan. Pada masa akan datang, tumpuan akan diberikan bagi menyokong pelaksanaan dan operasi pematuhan piawaian Syariah yang efektif khususnya dalam memperluas tawaran rangkaian produk dan aplikasi pelbagai kontrak Syariah bagi memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai.

Pasaran modal Islam (ICM) yang terdiri daripada ekuiti patuh Syariah dan sukuk terus mengekalkan kedudukan sebagai peneraju utama pasaran ICM global melalui penawaran kepelbagaian produk dan perkhidmatan. Syer pasaran ICM mencatat 60.5% atau RM1,963.3 bilion daripada jumlah permodalan pasaran domestik pada akhir Julai 2018. Ekuiti patuh Syariah menyumbang 58.2% atau RM1,142.9 bilion kepada jumlah ICM manakala selebihnya adalah jumlah sukuk terkumpul.

Bursa Malaysia-i yang merupakan platform pelaburan Syariah menyeluruh (end-to-end) pertama di dunia terus menjadikan Malaysia pusat perdagangan dinamik yang menawarkan perkhidmatan kewangan berasaskan Islam. Platform ini yang dipelopori oleh sembilan Organisasi Peserta (PO) Islam pada 2016 telah berkembang kepada 14 PO Islam pada akhir Julai 2018. Satu daripada PO Islam tersebut telah beroperasi secara penuh³ (full-fledged) manakala selebihnya menerusi tingkap Islam⁴

Jadual 4.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama (Akhir Julai)

	RM bilion		Perubahan (%)	
	2017	2018	2017	2018
Aset	616.3	687.0	10.2	11.5
Pembiayaan	462.8	517.4	11.3	11.8
Pertanian primer	15.1	15.1	15.6	-0.1
Perlombongan dan kuari	5.6	5.1	4.6	-8.2
Pembuatan ¹	22.2	23.0	10.3	3.7
Bekalan elektrik, gas dan air	1.8	2.7	-28.3	51.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	20.1	23.7	16.0	18.0
Pembinaan	21.3	28.8	16.2	35.1
Harta tanah	23.4	26.5	11.3	12.9
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	18.1	16.3	34.1	-10.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	37.5	34.9	6.7	-7.1
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	21.1	20.6	-3.1	-2.5
Isi rumah	268.8	306.2	10.7	13.9
Lain-lain	7.8	14.6	61.2	86.5
Liabiliti	571.7	638.5	10.2	11.7
Deposit dan Akaun Pelaburan	525.0	583.1	11.2	11.1
Pelaburan	1.0	0.8	-34.3	-15.3
Tabungan	38.5	40.8	7.8	6.0
Permintaan	70.9	74.3	6.5	4.8
Akaun pelaburan	74.8	76.0	9.6	1.6
Lain-lain	339.7	391.1	13.3	15.1

¹ Termasuk asas tani.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

(Islamic window). Pada akhir Julai 2018, lebih daripada 20,000 pelabur runcit dan institusi domestik dan antarabangsa telah terlibat dalam urusan niaga ICM. Platform patuh Syariah yang lain iaitu Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) membantu memudahkan dagangan komoditi bagi transaksi Murabahah⁵ dan Tawarruq⁶ yang mencapai nilai dagangan purata harian RM21.2 bilion pada akhir Julai 2018 melibatkan 151 peserta dengan 39 daripadanya bukan pemastautin. Pencapaian ini menunjukkan penerimaan BSAS sebagai platform global untuk memudah cara pengurusan


³ Perkhidmatan pembrokeran saham Islam yang disediakan oleh PO atas dasar pematuhan Syariah sepenuhnya.

⁴ Perkhidmatan pembrokeran saham Islam yang disediakan oleh PO selain daripada pematuhan Syariah secara penuh.

⁵ Kontrak jualan dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli.

⁶ Pembelian aset dengan harga tertunda berasaskan kontrak musawamah (kontrak jualan tanpa pendedahan harga aset dan margin keuntungan kepada pembeli) atau murabahah dan kemudian dijual kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Rajah 4.9. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara
(% bahagian)



¹ Lain-lain termasuk Afrika Selatan, AS, Bahrain, Bangladesh, Brunei, Gambia, Hong Kong, Indonesia, Ivory Coast, Jordan, Kuwait, Luxembourg, Maldives, Mauritius, Nigeria, Oman, Pakistan, Senegal, Singapura dan UK.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran.

Sumber: Malaysia International Islamic Financial Centre.

mudah tunai. Bagi meneruskan pembangunan sekuriti patuh Syariah, alternatif patuh Syariah yang pertama di dunia iaitu Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islam Transaksi Dirundingkan (iSSBNT) telah dilancarkan pada Disember 2017. Rangka kerja iSSBNT dijangka dapat menyediakan persekitaran perdagangan yang mudah terutamanya untuk pemain pasaran yang beroperasi berdasarkan prinsip Syariah. Sehingga Mei 2018, sebanyak 77% syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia merupakan syarikat patuh Syariah.

Malaysia terus menjadi pemacu utama bagi terbitan sukuk dan sukuk terkumpul. Pada tujuh bulan pertama 2018, terbitan sukuk mencatat 50.9% daripada jumlah terbitan sukuk global manakala pada akhir Julai 2018, sukuk terkumpul merekodkan 51.2% daripada jumlah sukuk global terkumpul. Malaysia juga menerajui penerbitan Sukuk Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan (SRI) hijau pertama dunia pada Julai 2017. Sehingga akhir Julai 2018, lima sukuk SRI hijau dengan saiz berjumlah RM2.4 bilion telah diterbitkan. Beberapa sukuk SRI hijau dijangka diterbitkan pada 2019 terutama bagi projek fotovoltaik solar berskala besar. Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah menubuhkan Skim Geran Sukuk SRI Hijau bertujuan untuk mengurangkan kos tambahan bagi mengesahkan instrumen hutang yang memenuhi kriteria hijau.

Menuju ke hadapan, ICM akan terus memainkan peranan penting dalam pasaran modal Malaysia. Pasaran ini akan dipacu oleh peningkatan

permintaan ke atas instrumen patuh Syariah. Inovasi yang lebih giat dalam ICM penting untuk memastikan Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai peneraju dalam kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Fokus akan diberi untuk membangunkan ICM secara berterusan khususnya mengantarabangsakan aktiviti pengantaraan patuh Syariah menerusi pembangunan produk baharu, pengurusan dana dan kerjasama rentas sempadan.

Kesimpulan

Dasar monetari dijangka kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kestabilan harga. Pasaran modal pula dijangka terus berdaya tahan disokong oleh keadaan ekonomi domestik yang menggalakkan dan pertumbuhan global yang kukuh. Walau bagaimanapun, faktor luar termasuk normalisasi dasar monetari dalam kalangan ekonomi utama, ancaman perdagangan dan dasar perlindungan yang semakin meningkat, pengimbangan semula aliran pelaburan global dan ketegangan geopolitik boleh menjejaskan prestasi pasaran kewangan dan modal. Tumpuan akan terus diberikan demi memantapkan pasaran dengan menyediakan persekitaran yang menyokong inovasi, memastikan rangka kerja pengawalseliaan terus diperkukuh serta prinsip tadbir urus yang baik, ketelusan dan akauntabiliti dipatuhi.

Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2018). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan 2017*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia dari Suku Pertama 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia dari Suku Kedua 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Januari 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Februari 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mac 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan April 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mei 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Julai 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Ogos 2018*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bursa Malaysia. (2018). *Bursa Malaysia Implements Intraday Short Selling for All Investors*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5637>
- Bursa Malaysia. (2018). *Bursa Malaysia Introduces Enhanced US Dollar Denominated Palm Olein Futures Contract*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5685>
- Bursa Malaysia. (2018). *Bursa Malaysia is the Approving Authority for New Issue of Securities by Listed Collective Investment Scheme and Business Trust*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5597>
- Bursa Malaysia. (2018). *Bursa Malaysia Launches BURSASUSTAIN, A One-Stop Knowledge Hub on Corporate Governance and Sustainability*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5641>
- Bursa Malaysia. (2018). *Bursa Malaysia to Launch First Mini Futures Contract on Derivatives Market Mini FTSE Bursa Malaysia Mid 70 Index Futures Contract Targets Retail Investors*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5765>
- Bursa Malaysia. (2018). *Securities Commission Malaysia and Bursa Malaysia to Implement New Measures to Boost Market Vibrancy*. Dicapai daripada <http://www.bursamalaysia.com/corporate/media-centre/media-releases/5521>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Banci Ekonomi*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- SMECorp. Malaysia. (2017). *A Guidebook for SME Initiatives 2017*. Kuala Lumpur: SMECorp. Malaysia.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2018). *China's Ministry of Finance and Securities Commission Malaysia Sign MoU on Regulatory Cooperation*. Dicapai daripada https://www.sc.com.my/post_archive/chinas-ministry-of-finance-and-securities-commission-malaysia-sign-mou-on-regulatory-cooperation/
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2018). *SC & BNM Establish Joint Working Group to Accelerate Digitisation of Stockbroking Industry*. Dicapai daripada https://www.sc.com.my/post_archive/sc-bnm-establish-joint-working-group-to-accelerate-digitisation-of-stockbroking-industry/
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2017). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

